

# Baung ekor merah ancam ikan sungai Ulu Pahang

um 9/9/2022 ms: 10'



**JERANTUT:** Dianggarkan lebih 100,000 ekor ikan baung ekor merah membiak sejak lima tahun lalu dan menjadi 'ikan pemusnah' di tiga sungai utama di Ulu Pahang iaitu Sungai Tembeling, Sungai Pahang di Jerantut dan Sungai Jelai di Lipis.

Kehadiran spesies berasal dari Sungai Mekong, Vietnam itu men-dominasi habitat di sungai tersebut yang menjadi 'pemusnah' ter-hadap ikan liar tempatan seperti patin, kelah, kenerak, jelawat, temoleh dan kerai.

Situasi itu mengundang ke-bimbangan nelayan sungai ke-hadiran ikan baung ekor merah yang lama-kelamaan menjejaskan pendapatan mereka berikutan ikan liar tempatan puples menjadi mangsanya.

**SEBAHAGIAN** daripada 50 ekor ikan baung ekor merah yang ditangkap peserta pertandingan Moh Buru Baung Ekor Merah di Jerantut Feri, Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

Bercakap kepada *Utusan Ma-laysia*, Ahli Parlimen Jerantut, Da-tuk Ahmad Nazlan Idris berkata,

spesies ikan pemangsa itu berke-mungkinan dibawa masuk secara haram untuk ternakan secara ke-

cil-kecilan.

Bagaimanapun, ketika menca-pai saiz besar, baung ekor merah terlepas ke perairan sungai utama berikutan kejadian banjir yang menenggelamkan kolam terna-kan di pesisir sungai.

Katanya, menerusi laporan Jabatan Perikanan, baung ekor merah dalam kumpulan keluar-ga ikan keli yang terbesar di Asia mampu membesar sehingga 130 sentimeter dengan berat maksimum 80 kilogram.

"Bagi mengelakkan spesies ini mengancam ikan liar tempa-tan bermutu tinggi di pasaran tempatan, kerajaan menerusi Jabatan Perikanan sewajarnya menghapuskan baung ekor me-rah yang dianggarkan membiak lebih 100,000 ekor sejak lima

tahun lalu khususnya kawasan Sungai Tembeling dan Sungai Pahang serta anak sungai di daerah ini.

"Kita menganjurkan program Moh Buru Baung Ekor Merah den-gan kerjasama Jabatan Perikanan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang an-caman ikan ganas itu di samping menjaga kepentingan hidupan air, iaitu ikan liar tempatan yang bermutu tinggi menjadi sumber pendapatan nelayan sungai," ka-tanya di sini semalam.

Ahmad Nazlan berkata, se-hingga kini, seramai 1,106 ne-layan darat yang berdaftar de-nan Jabatan Perikanan Pahang, manakala seramai 610 orang dari jumlah tersebut aktif menangkap ikan sungai di Jerantut.